

Berakhirkah isu bauksit di Kuantan?

MM. 3/1/16
ms. 12

Oleh **MOHD. SHARIZA ABDULLAH**

utusan@utusan.com.my

DALAM keadaan cuaca tidak menentu menyambut kehadiran Tahun Baharu 2016 di bumi Pahang, keputusan Kabinet menghentikan sementara kegiatan perlombongan bauksit di Kuantan pasti melegakan banyak pihak khususnya penduduk yang tinggal di daerah itu.

Ini kerana bantuan Kerajaan Pusat dilihat mampu mengatasi masalah perlombongan mineral tersebut dengan sebaik-baiknya walaupun aktiviti perlombongan berada di bawah kuasa kerajaan negeri.

Kerjasama antara kedua-dua belah pihak semestinya menguatkan lagi sebarang perancangan atau tindakan yang mahu dilaksanakan.

Meskipun arahan tersebut perlu diperincikan oleh negeri dan Pusat, ia memberi harapan baharu agar isu yang berlarutan sejak lebih setahun lalu itu dapat diselesaikan secara menang-menang antara pihak-pihak terlibat.

Sepanjang tempoh tersebut, pelbagai masalah disuarakan yang dikatakan berpunca daripada aktiviti itu antaranya pencemaran udara, menjejaskan kualiti penglihatan, risiko keselamatan pengguna jalan raya dan menjejaskan ekonomi penduduk setempat seperti pengusaha bengkel serta kedai makan.

Terbaharu ialah kejadian warna air laut bertukar merah di Pantai Batu Hitam yang dikatakan berpunca dari stok penyimpanan bauksit berhampiran Pelabuhan Kuantan.

Hakikatnya, isu kegiatan perlombongan bauksit di Kuantan mendapat perhatian pelbagai pihak seperti media arus perdana dan sosial, parti-parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mahu pun oleh penyokong kerajaan atau pembangkang.

Mingguan Malaysia dan *Utusan Malaysia* juga konsisten menyiarkan laporan berhubung isu itu sepanjang tahun lalu termasuk kebimbangan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah mengenai perlombongan bauksit yang semakin rancak dijalankan di Felda Bukit Goh sebagai paparan muka depannya pada 10 Julai.

Di peringkat kerajaan negeri, beberapa jalan penyelesaian dicari termasuk mengadakan perjumpaan dan memberi nasihat kepada pengusaha bauksit serta pemandu lori supaya mengambil kira runggu-

tan penduduk.

Selain itu, antara langkah yang diambil ialah membatalkan semua 34 lesen perlombongan bijih (MOL) yang melibatkan kebenaran mengangkut bahan mineral berkenaan bermula 31 Julai lepas.

Namun, tindakan dan amaran dikeluarkan seolah-olah tidak memberi kesan yang mana kegiatan perlombongan bauksit terus rancak dijalankan.

Malah, kompaun atas pelbagai kesalahan jalan raya yang dikenakan terhadap sebilangan pemandu lori membawa muatan bauksit seolah-olah tidak melunturkan kedegilan mereka apabila masih mengulangi perkara sama demi mengejar trip penghantaran bahan mineral itu yang menjanjikan pendapatan lumayan.

Sehubungan itu, keputusan penangguhan terhadap industri bauksit di Kuantan dilihat tepat selepas melihat perkembangan yang berlaku sepanjang lebih setahun lalu.

Tempoh penangguhan selama tiga bulan membolehkan undang-undang sedia ada berhubung kegiatan perlombongan bauksit termasuk dari sudut pengangkutan dan penyimpanan stok hasil lombong dikaji semula bagi meningkatkan serta memperketatkan kawalan dan penguatkuasaan agar kegiatan itu dapat dijalankan secara lestari atau mesra alam sekitar.

Antara aspek yang boleh dilihat ialah memperketatkan syarat-syarat melombong, kaedah pengangkutan atau membawa keluar bahan mineral itu dan bentuk hukuman lebih berat terhadap pesalah.

Sementara menanti kajian itu selesai, pihak berkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam dan Darat (SPAD) dan Pejabat Tanah dan Galian perlu memperhebatkan tindakan penguatkuasaan bagi memastikan arahan penangguhan itu dipatuhi. Agensi dari Pusat wajar memainkan peranan lebih besar dengan turun membantu.

Diharapkan campur tangan Kerajaan Persekutuan dalam isu ini dapat membuahkan hasil positif demi kepentingan rakyat biarpun industri bauksit memberi pulangan tinggi kepada pihak lain.

Langkah besar sudah pun diambil. Tunggu dan lihat keberkesannya kelak.

ANALISIS

